

ALLELUIA! TUHAN TELAH BANGKIT!

Newbec

NEW WAY OF BEING CHURCH

MINGGU PASKAH

MENJADI MURID - MURID HARAPAN

Dalam membawa penebusan melalui penderitaan, Kristus juga meningkatkan penderitaan manusia-jelata ke tahap penebusan. Oleh itu, dalam penderitaan setiap insan, mereka juga mengambil bahagian dalam penebusan penderitaan Kristus.

- Santo Yohanes Paulus II


Di dalam bacaan pertama Ahad ini, Petrus digambarkan sebagai seorang yang berani dan berkeyakinan-diri. Dia berdiri di hadapan orang ramai untuk mengumumkan bahawa dia dan murid-murid Yesus yang lain, pernah bersama-sama dengan Yesus dan mereka telah menyaksikan aksi-aksi Yesus dengan mata sendiri. Dia juga mengingatkan mereka bagaimana Yesus dibunuh, dan Allah telah membangkitkan Dia dari kematian. Dan sekarang, murid-murid Yesus sedang mengikuti perintah-Nya untuk menyebarkan mesej-Nya.

Walau bagaimanapun, dalam petikan di Injil, kita melihat Petrus yang berlainan. Ketika Maria Magdalena memberitahu mereka bahawa tubuh Yesus telah diasingkan dari kubur, Petrus bergegas ke sana bersama-sama dengan Yohanes. Setibanya di pintu masuk, Yohanes teragak-agak, tetapi Petrus, dalam gayanya yang biasa dan penuh semangat, memasuki kubur. Dia melihat di sekeliling, dan terlihat kain pembalut dan kain yang dipakai di kepala Yesus. Yohanes mengikutinya, melihat perkara yang sama, dan mempercayai. Walau bagaimanapun, "... mereka belum mengerti isi Kitab Suci yang mengatakan, bahawa la harus bangkit dari antara orang mati." Tetapi bagi Petrus, ia seolah-olah bukan sesuatu yang perlu diuja-uja. Oleh itu, dia tidak merasakan kepentingannya untuk pergi dan berkongsi dengan murid-murid lain apa yang telah mereka temui. Yohanes dan dia pulang sahaja ke rumah.

Menerusi kejadian-kejadian ini, kita melihat dua personaliti Petrus yang berbeza. Dia yang berhadapan dengan orang ramai di Yerusalem tidak sama dengan dia yang memasuki ke dalam kubur. Pertemuannya dengan Tuhan Yang Bangkit kemudian secara beransur-ansur mula mengubahnya dari seseorang yang takut dan tidak pasti, menjadi seorang yang berani dan berkeyakinan dalam Kristus. Pengalaman Petrus mestilah menimbulkan persoalan dalam kita, "Bagaimana pula dengan saya?" **"Apakah perubahan pada hidup saya di Paskah ini?"** "Bagaimana saya membukakan diri saya kepada Tuhan untuk la bercakap dan menyentuh saya?" Atau "Mengapa tiadanya transformasi atau perubahan dalam hidup saya?" Santo Paulus dalam surat pertama kepada orang-orang Korintus mengingatkan kita bahawa, oleh kerana kita telah ditebus dalam Kristus, jadi kita tidak boleh tetap sama. Kita perlu "... buanglah ragi lama itu ..." supaya kita dapat mempunyai "... adonan yang baru ..." Paskah bertujuan untuk membawa perbezaan dalam kehidupan kita. Jika tidak, kami terlepas makna mengapa Gereja merayakan sambutan yang menakjubkan ini setiap tahun. †

Perkataan minggu

Apakah perubahan pada hidup saya di Paskah ini?



Art: Johan Ludwig Lund (1777-1867), "The Resurrection of Christ" from Wikimedia Commons

**GEREJA VISITATION**

85-A, Jalan Yam Tuan, 70000 Seremban
 Tel : 06-7624468 / 7634934 / 7677542 Fax : 06-7677544
 Emel : serembanvisitation@gmail.com
 Laman Web : www.visitationseremban.org
 Paderi Paroki : Rev. Fr George Harrison
 Pembantu Paderi : Fr. Andrew Kooi

PEMURIDAN : MENJADI MURID HARAPAN.

Harapan : Ditebus dalam Kristus (April) 2018

Ke Arah 170 tahun Paroki Visitation
(1848 - 2018)

WAKTU PEJABAT PAROKI
 Isnin-Jumaat
 8.30pg - 5.30ptg
 Sabtu : 8.30pg - 7.30 ptg
 Ahad: 8.30pg - 3.00 ptg
 Pengakuan di Gereja 30
 minit sebelum semua misa
 mengikut kesediaan Paderi.

**PROGRAM MINGGU INI 31 MAC – 08 APRIL 2018**

HARI MINGGU PASKA HARI KEBANGKITAN TUHAN : Kis 10, 34a, 37-43 Mzm 117, 1-2, 16ab, 17, 22-33, Kol 3, 1-4 Yoh 20, 1-9
"Hari ini hari yang dijadikan Tuhan; Mari kita rayakan dengan gembira, Alleluia!". (Mazmur 117)

Sab 31 MALAM PASKA	MALAM PASKAH DAN PEMBAPTISAN ORANG DEWASA DARIPADA RCIA 5.00 ptg : Malam Paska /Pembaptisan Orang Dewasa (Mandarin) 8.30 ptg : Titi (M) 8.00 ptg: Malam Paska /Pembaptisan Orang Dewasa (Tamil) 11.00 ptg: Malam Paska /Pembaptisan Orang Dewasa (English /BM)		
Ahad 01 Apr HARI MINGGU PASKA	7.00 am : Tamil (Misa Kebangkitan) 9.00 am : English (Misa Kebangkitan) (Pembaptisan Bayi dalam Misa Tamil & Eng) 11.00 am : Mandarin (Misa Kebangkitan) 1.00 pm : Bahasa (Misa Kebangkitan)		
Is 02	7.00 ptg	Misa Kudus	
Sel 03	7.00 ptg	Misa Kudus	
Rab 04	7.00 ptg	Misa Kudus	
Kha 05	7.00 ptg	Misa Kudus	
Ju 06	7.30 ptg	Jam Suci diikuti dengan Misa Kudus(E) (Jumaat Pertama)	Jam Suci diikuti dengan Misa Kudus (T) – Chapel Rahang
MINGGU KERAHIMAN ILAHI : Kis 4, 32 – 35 Mzm 117, 2-4 16ab 17-18, 22-24, 1 Jn 5, 1-6, Jn 20, 19 - 31 <i>"Bersyukurlah kepada Tuhan kerana baiklah Dia". (Mazmur 117)</i>			
Sab 07	5.00 ptg 6.00 ptg	Rosari : 5.30 ptg : Novena; 5.45 ptg: Benediction Misa Kudus (E) (Animasi : St. Joseph)	
Ahad 08	7.00 pg 9.00 pg 11.00 pg 1.00 pm	Misa Kudus (T) (Animasi : Sts. Joseph & Pio) Misa Kudus (E) (Animasi : St. Stanislaus) Misa Kudus (C) 4.30 pm : Titi (M) Misa Kudus (BM)	RE(T): 8.45-10.15 pg; RE(C): 9- 10.30 pg : RE(E) & (BM) 10.45 -12.15tgh RCIA (T) 9.00 -10.30 pg ; RCIA (BM) 11.00 pg -12.30tgh RCIA (E) 11.00 -12.30tgh ; RCIA(M) : 9.00 -10.30 pg

➤ Tahniah kepada semua 28 baptisan baharu dalam Paskah ini. Bersama-sama kita mengalu-alukan dan menyokong mereka.

➤ **Sampul Kempen Prapaskah** boleh didapati. Sila lakukan Persembahan Prapaskah anda. Sila pulangkan sampul kepada pejabat paroki atau masukkan ke dalam Beg Koleksian.

Ulang Tahun 170 tahun Paroki

- **Cenderamata Majalah & 'CD' Sejarah** istimewa sedang dalam pembikinan. Sila bawa kumpulan pembikin dalam doa.
- **WOW - "Walk ON Water"/"Berjalan Atas Air"** sebuah program jangkauan selama 48 jam untuk semua. 27 (Jumaat) 9.00 pg- 29 April (Ahad) 9.00 pg. **(Matius 14 : 28)**
 Petrus : "Tuhan jika itu adalah Engkau, suruhlah aku datang kepadaMu berjalan di atas air".
 Yesus : (berkata) "MARI"
 Marilah menjadi murid berani dan setia seperti Petrus untuk keluar serta menjangkau semua umat dalam komuniti demi YESUS, kerana Yesus memanggil kita untuk "DATANG".
- **Bulan Misi (Peringkat Paroki/KED)** oleh *Redemptorist Frs* (16/4 - 20/5)
- **Bulan Rosari**, semua rumah / KED
- **NOVENA & Pesta Our Lady of Visitation** khas - (23/5 - 31/5/18)
- **Biasiswa Penuh - SKM Tahap 3 (Sijil Kemahiran Malaysia) di Kolej JSJ, Seremban**
 Perakaunan dan *Drafting Skills* untuk SPM.
 Hubungi : Joseph Rajen -012-6129732
- **Bantuan:** Bermula April 2018, kami akan memulakan bantuan untuk subjek seperti Sejarah (Tingkatan 5) dan Matematik (Tingkatan 3). Kami memanggil lebih ramai pelajar untuk menyertai kelas ini. Hubungi Francis Jesu (012-2964336) or Hilary Sta Maria (019-6547347)

Kami mengalu-alukan ahli paroki/pelajar dari Universiti / Kolej di sekitar Seremban. Sila mendaftar di pejabat paroki atau emel di: serembanvisitation@gmail.com. *Anda akan menerima Kad Doa (Magnificat). Berdoalah setiap hari.*

Terima kasih kepada : Pasukan Liturgi untuk untuk animasi Misa

- Pungutan Mingguan Paroki:**
 24 /25 Mac 2018 : RM12,670.55 Titi : RM91.00
 Tuhan memberkati semua penderma
- Pugutan untuk Ministry of Social Concern**
 yang sepatutnya dijalankan minggu ini akan dijalankan pada minggu depan 7 & 8 April 2018
- KEBERSIHAN GEREJA DAN PERSEKITARAN.**
 Paku pada dinding, pelekat, gam dsbgnya adalah tidak dibenarkan. SENTIASA PASTIKAN Rumah Tuhan dijaga dengan baik oleh semua umat.

iii) **Adakah kita bersedia untuk PRU 14 ?**
 Datang, denger, renung dan bersedia dalam Forum khas pada 8th April (Ahad) @ 10.30 pg di Dewan Gereja

iv) **Lepasan SPM - Biasiswa Penuh Hospital Assunta.** Hubungi 03-78723078 atau emel: haspuniza@assunta.com.my

v) **Kelas khas untuk Penguatan 2018.** (Eng & BM). Bagi mereka yg belum menerima Sakramen Penguatan, sila mendaftar di pejabat paroki. Kelas akan bermula pada 15 April 2018.

vi) **Pejabat Paroki** akan ditutup pada Jumaat Agung, Malam Paskah & Hari Besar Paskah - 30 Mac hingga 01 April 2018



**Selamat Hari Besar Paskah Kepada Anda Semua
 Semua Yesus Yang Telah Bangkit Memberkati Kita
 Semua Dengan Kehidupan Dan
 Semangat Baharu
 Dalam Dia**

